

**1.0. LESEN**

- 1.1. Tidak dibenar seseorang menjalankan perniagaan dengan tanpa lesen daripada Yang Dipertua MDTM.
- 1.2. Lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua MDTM hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat setiap masa dan menunjukkan lesen bila diminta oleh pihak MDTM.
- 1.3. Bayaran lesen hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan pada tiap-tiap tahun.
- 1.4. Pelesen mestilah menjual barang/menjalankan jenis perniagaan seperti mana yang tercatat dalam bil lesen sahaja.
- 1.5. Pelesen hendaklah sentiasa hadir dan menjalankan perniagaan gerai/petaknya.
- 1.6. Yang Dipertua MDTM berhak membatalkan lesen atau tidak mengeluarkan sesuatu lesen tanpa memberi sebarang sebab. Yang Dipertua juga berhak mengeluarkan syarat-syarat tambahan yang perlu dipatuhi setiap masa.

2.0. KEMUDAHAN ASAS

- 2.1. Tiap-tiap pelesen hendaklah menyediakan tong sampah sendiri yang berpenutup di dalam ruang niaga masing-masing.
- 2.2. Sampah dan sisa yang dihasilkan seperti sayuran, apa-apa bahan yang tidak diinginkan atau najis siangan ikan, ayam dan seumpamanya perlu dikumpulkan ke dalam tong sampah tersebut. Sisa-sisa ini kemudiannya dibuang sendiri oleh pelesen ke dalam tong sampah 'row-row' yang disediakan, bagi tujuan pelupusan oleh pihak MDTM.

3.0. KEBERSIHAN/KESIHATAN

- 3.1. Dilarang membuang / menumpah apa-apa darah, air masin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau mana-mana tempat awam dan lain-lain bahan dalam mana-mana tempat awam.
- 3.2. Tiap-tiap peniaga yang menjual makanan dan minuman hendaklah membuat pemeriksaan doktor dan mendapat suntikan TY2.
- 3.3. Tiap-tiap peniaga hendaklah memastikan :
 - 3.3.1. dirinya dan pakaiannya supaya berada dalam keadaan bersih dan,
 - 3.3.2. gerai, meja, lantai, dinding, peti sejuk dan lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya berada dalam keadaan baik, bersih, tidak berlumut dan hendaklah mencuci, mengecat atau mengecatnya semula pada bila-bila masa sebagaimana ditetapkan oleh Pegawai Pelesenan.

4.0. WAKTU PERNIAGAAN

- 4.1. Pemegang lesen hendaklah menjalankan waktu perniagaan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

5.0. BUNYI BISING

- 5.1. Pemegang lesen semasa menjalankan perniagaan hendaklah tidak membuat bising yang merupakan kacau ganggu.

6.0. TEMPAT PENYIMPANAN, PENYEMBELIHAN DAN MEMPROSES AYAM

- 6.1. Raga ayam bagi menempatkan ayam hidup dibenar untuk disimpan di bahagian ruang memproses ayam. Raga ayam ini perlu dilapik lantainya agar najis tidak mengotori lantai pasar.

- 6.2. Jumlah raga yang dibenarkan berada di ruangan tersebut adalah seperti yang disyorkan aloeh Pegawai Pelesenan.
- 6.3. Raga, peralatan memproses ayam, lantai dan dinding di kawasan menempatkan ayam hidup serta kawasan yang menjalankan aktiviti penyembelihan, hendaklah diselenggara dan dibersihkan setiap masa bagi mengelakkan pencemaran bau, pembiakan bakteria, dan 'unpleasent looking' di kawasan tersebut.
- 6.4. Pelesen hendaklah memastikan bulu ayam atau mana-mana bahagian ayam hasil daripada aktiviti penyembelihan tidak dibuang ke dalam longkang atau mana-mana atas lantai selain dikumpulkan ke dalam tong sampah yang telah disediakan oleh pelesen. Sampah dan sisa yang telah dikumpulkan ini perlu dibuang kemudiannya ke dalam tong sampah 'row-row' yang disediakan, bagi tujuan pelupusan oleh pihak MDTM.

7.0 TEMPAT BAGI PENGAGIHAN IKAN DAN SAYUR BAGI TUJUAN BORONG / TEMPAT MELETAKKAN PETI IKAN DAN PETI SAYUR

- 7.1. Pelesen dibenar untuk menempatkan peti ikan dan peti sayur di dalam kawasan yang disediakan dengan jumlah yang dibenarkan oleh Pegawai Pelesenan.
- 7.2. Waktu yang dibenar untuk meletakkan peti ikan dan peti sayur adalah bermula jam 5.00 pagi sehingga jamm 2.00 petang. Selepas daripada tempoh tersebut, lokasi ini perlu dikosongkan daripada sebarang peralatan atau barangan.
- 7.3. Aktiviti perniagaan atau urusan jual beli tidak dibenar untuk dilakukan di kawasan tersebut.
- 7.4. Aktiviti pengagihan ikan atau sayur bagi tujuan borong secara kecil-kecilan hanya dibenar beroperasi bermula jam 5.00 pagi hingga jam 9.00 pagi sahaja.

8.0 LARANGAN BAGI PENIAGA

- 8.1. Tidak boleh menjalankan perniagaan dengan cara menghalang/mengganggu perjalanan lalulintas kenderaan atau pergerakan bebas orang berjalan kaki.

- 8.2. Pelesen dilarang memaku pada jalan atau kawasan awam serta dilarang mengikat tali pada harta awam.
- 8.3. Dilarang membuat sebarang penyambungan di gerai/mendirikan struktur bangunan tanpa mendapat kelulusan daripada Majlis Daerah Tanjong Malim.
- 8.4. Tidak boleh menggunakan kayu api/arang di tempat perniagaannya bagi maksud menyediakan jualan atau makanan.
- 8.5. Tidak boleh meletakkan apa-apa peralatan atau struktur tambahan seperti meja, kayu, besi atau peti ikan atau peti sayur dan seumpamanya di luar gerai perniagaan.
- 8.6. Penggunaan rak besi yang dibenarkan sebelum ini adalah tidak lagi dibenar untuk digunakan kerana pembesaran meja gerai telah dilaksanakan.
- 8.7. Pelesen, pekerja atau mana-mana orang awam tidak dibenar meletakkan apa-apa jenis kenderaan di dalam kawasan pasar.

9.0. PENALTI

Kegagalan mematuhi perkara di atas dan peruntukan-peruntukan dibawah Undang-Undang Kecil Pasar (MDTM) 2007, Akta dan Undang-Undang Kecil yang berkaitan adalah satu kesalahan dan Majlis Daerah Tanjong Malim boleh mengambil tindakan mengkompaun, merampas atau tindakan mahkamah berhubung pelanggaran syarat yang dilakukan.

PENGAKUAN

Bahawa saya
 No. Kad Pengenalan mengaku telah menerima dan berjanji akan mematuhi syarat-syarat yang tersebut di atas.

Tarikh :

Tandatangan :